Rencana

Perbezaan Antara Prestasi Ekonomi dengan Sentimen Orang Ramai

oleh Ahmad Haris Mohd Zukki, Joanne Tay Rui Ying dan Mohamed Rizwan Habeeb Rahuman

SOROTAN PENTING

- Meskipun prestasi makroekonomi kukuh untuk beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat sedikit kebimbangan bahawa pertumbuhan KDNK yang tinggi tidak menghasilkan penambahbaikan terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia.
- Faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan ini termasuk pengagihan pendapatan yang tidak sekata, kos sara hidup yang meningkat, obligasi hutang yang tinggi, kemampuan memiliki rumah semakin merosot dan persepsi mengenai rasuah.
- Selain daripada angka keseluruhan makro seperti KDNK dan inflasi, penekanan yang lebih perlu diberikan kepada pertumbuhan dari aspek pengagihan, dengan pendekatan yang lebih teliti pada kualiti pekerjaan yang diwujudkan, kos sara hidup dan kemampuan memiliki rumah.

Pendahuluan

Pada tahun 2017, pertumbuhan ekonomi Malaysia mencatat peningkatan yang ketara pada 5.9%, iaitu yang tertinggi sejak tahun 2014. Prestasi ekonomi yang menggalakkan ini menerima pujian daripada Bank Dunia, sebagai "pertumbuhan yang ketara pesatnya" dan menjangka bahawa Malaysia akan "mencapai status (negara) berpendapatan tinggi dalam tempoh beberapa tahun akan datang" (Bank Dunia, 2017). Walau bagaimanapun, gambaran pertumbuhan yang menggalakkan ini nyata berbeza daripada sentimen golongan akar umbi. Khususnya, Indeks Sentimen Pengguna MIER telah secara konsisten mencatatkan aras yang lebih rendah daripada had keyakinan (optimism threshold) sejak tiga tahun yang lalu (2014-17). Tempoh ini merupakan tempoh terpanjang catatan paras indeks tersebut berada di bawah had keyakinan. Keadaan ini mencerminkan kebimbangan secara keseluruhan bahawa prestasi pertumbuhan Malaysia yang kukuh tidak menghasilkan penambahbaikan terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia dari aspek material. Rencana ini berusaha mengupas percanggahan antara prestasi makroekonomi keseluruhan Malaysia dengan perasaan kurang puas hati dalam kalangan rakyat Malaysia tentang kesejahteraan ekonomi mereka.

Pengagihan pendapatan yang tidak sekata

Secara agregat, peningkatan pada pertumbuhan Malaysia telah menyumbang kepada kenaikan pendapatan yang stabil. Antara tahun 2010 hingga 2017, KDNK benar meningkat sebanyak 5.2% setahun, manakala pendapatan per kapita meningkat sebanyak 3.1% setahun. Trend ini turut diperhatikan melalui kenaikan upah sektor perkilangan yang stabil dalam tempoh yang sama (Rajah 1). Namun, apabila diteliti dengan lebih terperinci, pemerhatian mendapati bahawa manfaat pertumbuhan negara tidak diagihkan dengan sewajarnya merentas semua segmen masyarakat. Keadaan ini berlaku secara meluas pada peringkat global, kerana golongan berpendapatan 1% tertinggi di dunia memperoleh pendapatan dua kali lebih tinggi berbanding dengan golongan berpendapatan 50% terendah antara tahun 1988 hingga 2008 (Milanovic, 2013). Di Malaysia, meskipun trend ketidaksamaan

pendapatan, mengikut ukuran pekali Gini, secara keseluruhannya telah menjadi lebih rendah, masih terdapat ruang untuk meningkatkan pengagihan pendapatan negara. Pada tahun 2016, bilangan isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 adalah lebih dua kali bilangan isi rumah yang berpendapatan lebih daripada RM10,000 (Rajah 2). Angka ini sebahagiannya mencerminkan pewujudan pekerjaan dan upah yang tidak sekata merentas tahap kemahiran yang berbeza. Antara tahun 2015 hingga 2017, 54% daripada jumlah pekerjaan bersih diwujudkan dalam segmen kemahiran rendah dan sederhana, yang pada puratanya membayar gaji masing-masing sebanyak RM1,095 dan RM1,493 sebulan.

Rajah 1: KDNK, Pendapatan per Kapita dan Upah Sektor Pembuatan (Harga 2010) 2010-2017



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2: Peratusan Pengedaran Isi Rumah mengikut Kategori Pendapatan, 2016



Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia

Kos sara hidup yang meningkat

Isi rumah turut dibelenggu oleh komitmen perbelanjaan yang lebih tinggi, yang merupakan salah satu faktor utama yang menjejaskan keyakinan mereka. Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, pelbagai kejutan seperti rasionalisasi subsidi, pengenalan GST serta kedudukan ringgit yang lebih lemah, secara kolektif menyumbang kepada kos sara hidup yang lebih tinggi. Tekanan kos yang meningkat dicerminkan dalam inflasi purata lebih tinggi iaitu 2.7% selepas GST (Apr. 2015 – Apr. 2018), berbanding dengan purata sebelum GST sebanyak 2.0% (Jan. 2009 – Mac 2015). Dalam

tempoh yang sama, berikutan penyusutan nilai ringgit, kos barangan siap yang diimport dalam bakul IHP turut meningkat sebanyak 2%, berbanding dengan peningkatan yang lebih kecil sebanyak 0.8% antara Jan. 2009 hingga Mac 2015.

Kos sara hidup yang lebih tinggi benar-benar dirasai oleh isi rumah yang mudah terjejas dan berpendapatan lebih rendah. Paling ketara, 35%[1] daripada pendapatan purata isi rumah dalam kumpulan pendapatan 40% terendah[2] (B40) dibelanjakan untuk makanan, yang mencatat kenaikan harga tertinggi dalam tempoh yang sama (Inflasi makanan antara Apr. 2015 – Apr. 2018: 3.8%; Perbelanjaan lain: 2.3%). Isi rumah B40 juga mengalami pertambahan pendapatan yang sangat perlahan jika dibandingkan secara relatif dengan isi rumah yang berpendapatan lebih tinggi (Rajah 3)[3]. Kesannya, isi rumah B40 lebih mudah terjejas oleh kenaikan kos sara hidup kerana mempunyai penampan pendapatan yang agak terhad. Khususnya, pertambahan pendapatan untuk isi rumah B40 hampir diimbangi sepenuhnya oleh perbelanjaan yang meningkat pada tahun 2016 (Rajah 4), sebahagian besarnya untuk pembelian keperluan asas. Sebaliknya, isi rumah dalam kumpulan pendapatan 40% pertengahan (M40) dan 20% teratas (T20) mengumpulkan penampan pendapatan yang lebih tinggi, disebabkan peningkatan pendapatan yang lebih besar. Ini memperkukuhkan lagi tanggapan bahawa penambahbaikan keadaan makroekonomi hanya memanfaatkan segmen masyarakat Malaysia yang tertentu, lantas turut melemahkan sentimen isi rumah.

Berikutan pengagihan pendapatan yang tidak sekata dan kos sara hidup yang terus meningkat, sebahagian isi rumah tidak dapat merealisasikan aspirasi mereka untuk menikmati taraf hidup yang lebih tinggi. Malah, taraf kehidupan yang selesa juga mungkin tidak dapat dicapai oleh sesetengah isi rumah. Pada tahun 2016, sehingga 27% daripada isi rumah di Kuala Lumpur yang berpendapatan di bawah gaji kehidupan wajar[4] (living wage) yang diperlukan untuk mencapai taraf hidup minimum yang diterima masyarakat. (Chong et al., 2017). Jurang tahap gaji kehidupan wajar dengan gaji semasa mengekang isi rumah untuk berinteraksi dalam masyarakat secara bermakna serta memberi peluang untuk membangunkan diri dan keluarga seperti melancong pada musim perayaan dan melakukan aktiviti rekreasi. Perkara ini adalah lebih ketara dalam kalangan isi rumah yang mudah terjejas disebabkan oleh paras pendapatan mereka yang terus rendah.

Rajah 3: Pertambahan (%, CAGR) Pendatan Isi Rumah dan Kos Sara Hidup[3]



Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, Laporan Penyiasatan Perbelanjaan 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia

[1] Merujuk perbelanjaan untuk *makanan* dan *minuman bukan alkohol*, termasuk *makanan di luar rumah*.

[2] Isi rumah B40 merujuk isi rumah dengan paras pendapatan di bawah RM4,360 (M40: RM4,361 hingga RM9,615, T20: ≥RM9,616) pada tahun 2016.

[3] Kos sara hidup dikira berdasarkan bahagian perbelanjaan isi rumah mengikut kategori bagi kumpulan pendapatan berlainan yang diambil daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016 dan Indeks Harga Pengguna.

[4] Gaji kehidupan wajar di Kuala Lumpur untuk seorang dewasa ialah RM2,700 (pasangan tanpa anak adalah sebanyak RM4,500 dan pasangan dengan dua anak RM6,500).

Rajah 4: Pendapatan Bersih dan Pertambahan Purata Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah, 2014-2016



Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, Laporan Penyiasatan Perbelanjaan 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia

Kemampuan memiliki rumah

Memiliki rumah adalah impian segolongan besar rakyat Malaysia, yang terbukti melalui kadar pemilikan rumah yang tinggi di negara ini (2016: 76.3%). Namun, impian rakyat Malaysia ini semakin lama semakin sukar dicapai kerana harga rumah yang semakin tidak mampu dimiliki di kebanyakan kawasan di negara ini. Pada tahun 2016, harga rumah di Malaysia secara puratanya adalah sebanyak kira-kira lima kali pendapatan isi rumah median tahunan (2009: 4.4 kali). Hal ini menjadikan rumah sangat tidak mampu dimilki berbanding dengan piawaian tiga kali yang diterima pakai di peringkat global. Berdasarkan pendapatan isi rumah median sebanyak RM5,228, harga rumah mampu milik maksimum di Malaysia dianggarkan sebanyak RM282,000 (Cheah et al., 2017). Namun, harga rumah median sebenar ialah 11% lebih tinggi iaitu pada RM313,000.

Kemampuan memiliki rumah yang semakin merosot sebahagian besarnya berpunca daripada ketidakpadanan bekalan dengan permintaan dan pertumbuhan pendapatan yang lebih perlahan. Dari aspek penawaran, pembinaan perumahan secara konsisten tidak dapat memenuhi permintaan isi rumah. Antara tahun 2014 hingga 2016, purata bekalan rumah baharu sebanyak 114,000 jauh lebih rendah berbanding dengan 154,000 pertambahan isi rumah baharu. Kekurangan bekalan rumah mampu milik diburukkan lagi oleh fakta bahawa pelancaran perumahan kebelakangan ini lebih tertumpu kepada segmen harta tanah mewah yang tidak mampu dimiliki oleh kebanyakan rakyat Malaysia. Ketidakpadanan antara bekalan dengan permintaan, digabungkan pula dengan pilihan masyarakat yang mengutamakan pemilikan rumah berbanding dengan menyewa, terus menyebabkan tekanan yang menaikkan harga rumah. Pada asasnya, pertumbuhan pendapatan isi rumah juga tidak sepadan dengan kenaikan harga rumah. Antara tahun 2007 hingga 2016, harga rumah secara puratanya meningkat sebanyak 10%, tetapi pendapatan hanya bertambah secara puratanya sebanyak 8%. Jurang yang semakin lebar antara pendapatan dengan harga rumah memburukkan lagi persepsi tentang kenaikan kos sara hidup, kerana perbelanjaan perumahan mencakupi satu perempat daripada perbelanjaan isi rumah[5].

Kekangan perbelanjaan berikutan hutang isi rumah yang meningkat

Satu lagi isu yang mempengaruhi sentimen rakyat Malaysia ialah paras hutang yang meningkat. Meskipun pertumbuhan hutang isi rumah menjadi lebih sederhana sejak kebelakangan ini, paras ini masih tinggi secara relatifnya iaitu 84.0% daripada KDNK pada S1 18. Meskipun terdapat pertambahan pendapatan sejak akhir-akhir ini, kedudukan kewangan isi rumah masih tidak memaparkan peningkatan yang ketara, kerana sebahagian besar pendapatan isi rumah digunakan untuk memenuhi obligasi hutang. Antara tahun 2014 hingga 2016, nisbah khidmat hutang isi rumah Malaysia meningkat daripada 30.9% kepada 32.7%. Beban hutang yang tinggi juga lebih

[5] Jabatan Perangkaan, Malaysia – Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016

ketara dalam kalangan isi rumah yang berpendapatan lebih rendah, yang kebanyakannya terdiri daripada pinjaman peribadi dan pinjaman kenderaan (Rajah 5). Bagi 21% daripada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000, lebih 60% pendapatan mereka digunakan untuk membayar balik hutang (Rajah 6) (Borhan et al., 2018). Situasi ini secara langsung memberikan kesan terhadap sentimen dan keputusan perbelanjaan pada masa hadapan, kerana hutang yang dikumpulkan pada masa kini bermakna perbelanjaan untuk penggunaan pada masa hadapan perlu dikurangkan. Isi rumah yang dibebani hutang yang tinggi juga kurang optimis tentang kesejahteraan ekonomi mereka, kerana mereka lebih mudah terjejas oleh kejutan pendapatan dan perbelanjaan.

Rajah 5: Hutang Isi Rumah Mengikut Tujuan dan Kumpulan Pendapatan, 2016



[1]Merujuk kepada sekuriti dan lain lain
Sumber: Bank Negara Malaysia

Figure 6: Nisbah Khidmat Hutang (DSR) Isi Rumah Berpendapatan Kurang daripada RM3,000



Persepsi tentang rasuah dan sering terdedah kepada berita negatif

Persepsi tentang rasuah dan sering terdedah kepada berita negatif juga menjadi faktor yang menjejaskan sentimen rakyat Malaysia terhadap ekonomi dan keadaan negara. Antara tahun 2015 hingga 2017, kedudukan Malaysia merosot secara berterusan dalam penarafan Indeks Persepsi Rasuah Transparency International pada tangga ke-62 pada tahun 2017 (2015: tangga ke-54). Persepsi tentang rasuah melemahkan kepercayaan dalam kalangan isi rumah dan perniagaan bahawa mereka mempunyai peluang yang sama rata untuk mengejar aspirasi ekonomi masing-masing. Lebih membimbangkan, kajian menunjukkan bahawa rasuah boleh menjejaskan kesejahteraan

ekonomi melalui ketidaksamaan pendapatan yang lebih ketara[6] (Gupta et al., 2002). Di samping itu, isi rumah juga terus terdedah kepada berita negatif yang berterusan, terutamanya dalam media sosial, yang lazimnya jauh berbeza daripada laporan berita dalam media arus perdana. Fenomena ini menambahkan lagi keraguan tentang kekukuhan ekonomi Malaysia.

Kesimpulan

Ekonomi Malaysia nyata mencatat prestasi yang amat baik merentas sebahagian besar metrik ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, terdapat jurang kritikal yang dialami oleh segmen masyarakat yang mudah terjejas, khususnya isi rumah B40 dan M40 yang lebih rendah, yang perlu ditangani. Dasar yang perlu diutamakan dalam masa terdekat adalah usaha memastikan prestasi ekonomi yang teguh akan memberikan manfaat ekonomi yang lebih baik untuk semua lapisan masyarakat, dan bukan sekadar segmen tertentu sahaja. Jika dibiarkan tanpa dikenal pasti dan diatasi, jurang ini mungkin bertambah luas dan meningkatkan lagi rasa tidak puas hati, lantas membawa kepada ketidakseimbangan pada masa hadapan dan mengakibatkan kemewahan yang tidak sekata yang tidak diingini.

Sesuatu yang menggalakkan ialah rakyat Malaysia kini mula memaparkan tahap keyakinan tinggi yang sudah lama tidak kelihatan. Sentimen pengguna mencatat paras tertinggi dalam tempoh 20 tahun baru-baru ini pada S2 2018. Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat pertumbuhan yang stabil, dengan asas-asas yang kukuh serta disokong oleh prospek dalam negeri dan luar negeri yang positif. Faktor-faktor positif ini membuka ruang yang luas untuk memulakan pembaharuan ekonomi dan struktur yang mendalam. Pembaharuan ini wajar mengutamakan usaha untuk meningkatkan tahap pendapatan merentas semua segmen isi rumah, menaikkan produktiviti dan upah, serta menambah baik kemampuan untuk memiliki rumah. Negara perlu merebut peluang ini untuk mencapai pertumbuhan ekonomi berkualiti lebih tinggi yang mampan dan memanfaatkan semua rakyat Malaysia.

[6] Ketidaksamaan pendapatan diukur melalui pekali Gini. Ukuran ini dinilai meningkat sebanyak 0.11 mata apabila kadar rasuah bertambah buruk sebanyak 1 sisihan piawai

Rujukan

Borhan et al.,(2018), Indebted to Debt: An Assessment of Debt Levels and Financial Buffers of Households, Financial Stability and Payment Systems Report 2017, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Cheah et al. (2017), Affordable Housing: Challenges and the Way Forward, Economic and Financial Developments in the Malaysian Economy in the Third Quarter of 2017, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Chong et al., (2018), The Living Wage: Beyond Making Ends Meet, Bank Negara Malaysia Annual Report 2017, Kuala Lumpur

Christoph Lakner, Branko Milanovic (2013); Global Income Distribution: From the Fall of the Berlin Wall to the Great Recession, The World Bank Economic Review, Volume 30, Issue 2, 1 January 2016, Pages 203–232,

Department of Statistics Malaysia, Household Expenditure Survey 2016 (database), Putrajaya

Department of Statistics Malaysia, Household Income and Basic Amenities Survey 2016 (database), Putrajaya

Gupta, Sanjeev, Davoodi, Hamid and Alonso-Terme, Rosa, (2002), Does corruption affect income inequality and poverty?, Economics of Governance, 3, issue 1, p. 23-45.

Transparency International (2017), Corruption Perception Index, https://www.transparency.org/news/feature/corruption_perceptions_index_2017.